

Headline	Kes Bayi Mississippi bukti virus HIV boleh dihentikan		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	30 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	22	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	282 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,547
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,641



# Kes 'Bayi Mississippi' bukti virus HIV boleh dihentikan

» Rawatan awal mampu menyelamatkan pesakit AIDS

Syed Azwan Syed Ali

► Kuala Lumpur

**S**eorang saintis wanita dari Universiti Johns Hopkins, Amerika Syarikat (AS), merumuskan bahawa rawatan awal mampu menyelamatkan kanak-kanak positif HIV.

Deborah Persaud dari Pusat Kanak-Kanak Johns Hopkins, berkata kes 'Bayi Mississippi' membuktikan secara konsep bahawa intervensi awal mampu menghentikan virus HIV daripada berkembang.

Beliau merujuk kepada kes seorang bayi dilahirkan positif HIV di pedalaman Mississippi, namun kekal sihat selepas menerima rawatan awal sebaik dilahirkan.

"Kes itu membuktikan secara konsep, kalau ada intervensi awal, virus itu boleh dihentikan dan tidak akan kembali," katanya kepada *BH* selepas menyampaikan ucapan pada Simposium 'Towards an HIV Cure' 2013 anjuran Pertubuhan AIDS Antarabangsa (IAS) di Hotel Ritz Carlton di sini, semalam.

Simposium saintifik selama dua hari yang menghimpunkan

300 saintis dari serata dunia itu adalah acara pembuka tirai sempena Persidangan IAS 2013 Mengenai Patogenesis, Rawatan dan Pencegahan HIV anjuran IAS dan Pusat Kecemerlangan Kajian AIDS (CERiA) Universiti Malaya di Pusat Persidangan Kuala Lumpur yang bermula hari ini.

Turut hadir, Presiden IAS yang juga Penerima Anugerah Nobel Perubatan 2008, Prof Francoise

Barre-Sinoussi, yang menemui virus HIV, kira-kira 30 tahun lalu.

Mengulas lanjut mengenai kes bayi Mississippi yang diumumkan beberapa bulan lalu, Deborah yang juga penyelidik utamanya, berkata bayi itu dikesan positif HIV kepada ibunya yang tidak mendapat sebarang rawatan kehamilan ataupun rawatan HIV.

"Di Amerika Syarikat, kami melakukan ujian awal bagi ibu tetapi dalam kes Bayi Mississippi kita tidak tahu dia (ibu bayi) positif HIV sehinggalah melahirkan bayi itu secara normal," katanya.

**Diberi rawatan antiretrovirus**

Susulan itu, katanya, bayi itu diberi rawatan antiretrovirus selepas 30 jam dilahirkan, meneruskan rawatan itu beberapa bulan, sehingga virus itu gagal dikesan di dalam badannya.

Ditanya keadaan bayi yang dilahirkan dua tahun lalu itu, Deborah berkata 'bayi itu sihat' walaupun sudah lebih setahun tidak menerima rawatan antiretrovirus (rawatan HIV).

'Bayi Mississippi' antara perkembangan terkini dalam usaha manusia sejagat mencari penawar HIV/AIDS yang setakat ini membunuh 1.7 juta individu di serata dunia, termasuk 230,000 kanak-kanak.



Headline	Kes Bayi Mississippi bukti virus HIV boleh dihentikan		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	30 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	22	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	282 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,547
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,641



“  
Di Amerika Syarikat,  
kami melakukan  
ujian awal bagi ibu  
tetapi **dalam kes  
Bayi Mississippi  
kita tidak tahu dia  
(ibu bayi) positif  
HIV** sehinggalah  
melahirkan bayi itu  
secara normal”

**Deborah Persaud,**  
Saintis